

**YAYASAN ISLAM KELANTAN
KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION**

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan,
Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas,
16010 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
Tel : 09-712 6315, 712 6933 & 712 8144
09-712 6040 (Lembaga Peperiksaan) Fax : 09-712 7806
E-mel : yik@kelantan.gov.my Laman Web : www.yik.edu.my



المؤسسة الإسلامية بـكـلنتان

كومفليك س فينتادبيران يايسن اسلام كلنتن،
قتي سورت ٢٤٨، ليوهراي تونجوغ - فاسير مس،
١٦٠١٠ كوتا بهارو، كلنتن دارول نعيم.
تيليفون: ٠٩-٧١٢٦٣١٥، ٧١٢٦٩٣٣ & ٧١٢٨١٤٤
٠٩-٧١٢٧٨٠٦: فاكس (لمباك فقريقسان) ٠٩-٧١٢٦٠٤٠
ايميل: yik@kelantan.gov.my لامن ويب: www.yik.edu.my

Ruj Kami : YIK 400/1-17(81)
Bertarikh : 30 September 2021
Bersamaan : 23 Safar 1443

YBrs. Pengetua:

**Kolej / Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat
Maahad Tahfiz Sains / Maahad Sains /Maahad
Pusat Pengajian Pondok
Tadika Islam Tengku Anis
Yayasan Islam Kelantan**

Tuan/Puan,

PEKELILING KEWANGAN YIK BIL.1/2021:-

**PANDUAN PENYALURAN DAN PENERIMAAN SUMBANGAN DANA MASYARAKAT
KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN YAYASAN ISLAM KELANTAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Kewangan Yayasan Islam Kelantan Bil 1/2021 ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan tentang panduan penyaluran dan penerimaan sumbangan masyarakat kepada Institusi Pendidikan Yayasan Islam Kelantan (YIK) melalui **Garis Panduan Pengurusan Sumbangan Dana Masyarakat Kepada Institusi Pendidikan Yayasan Islam Kelantan Dan Garis Panduan Penjanaan Dana Masyarakat atau Crowdfunding.**

LATAR BELAKANG

2. Sekolah dan masyarakat merupakan dua entiti yang saling memerlukan bagi membentuk modal insan dan pembangunan masyarakat di negara ini. Maka atas prinsip tersebut Yayasan Islam Kelantan secara dasarnya menggalakkan masyarakat secara amnya menjalankan tanggungjawab sosial memberi sumbangan dalam membangunkan sekolah-sekolah YIK sama ada dalam bentuk pembangunan fizikal atau pembangunan modal insan.
3. Bagi memastikan pengurusan sumbangan dana masyarakat diuruskan dengan lebih telus dan teratur, Yayasan Islam Kelantan telah merangka garis panduan bagi tujuan tersebut untuk diterimapakai oleh kesemua sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan, Tender, Pembangunan Dan Pelaburan YIK Bil.3/2021 yang bersidang pada 6 Safar 1443 bersamaan 13 September 2021 telah bersetuju dengan cadangan garis panduan ini.

5. Sehubungan dengan itu semua pihak yang berkaitan hendaklah memastikan supaya Garis Panduan Pengurusan Sumbangan Dana Masyarakat Kepada Institusi Pendidikan Yayasan Islam Kelantan dirujuk dan dipatuhi sepenuhnya.

PELAKSANAAN

6. Garis Panduan Pengurusan Sumbangan Dana Masyarakat Kepada Institusi Pendidikan Yayasan Islam Kelantan dan Dan Garis Panduan Penjanaan Dana Masyarakat atau Crowdfunding Secara Dalam Talian (Online) yang dilampirkan bersama-sama Surat Pekeliling Kewangan ini menjelaskan tentang tatacara pelibatan dan penyaluran sumbangan oleh masyarakat kepada sekolah serta tatacara tadbir urus penerimaan sumbangan oleh pihak sekolah.

TARIKH KUAT KUASA


7. Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai **30 September 2021 / 23 Safar 1443H**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“ RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
‘ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM’ –KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN’

‘ PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID -19’
‘ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030’

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI ENSKU RAJHAN BIN ENSKU ISMAIL)
Pengarah
Yayasan Islam Kelantan



**YAYASAN ISLAM KELANTAN
PETI SURAT 248, NILAM PURI
15730 KOTA BHARU**

**GARIS PANDUAN PENJANAAN DANA MASYARAKAT ATAU
CROWDFUNDING SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)
SEKOLAH-SEKOLAH
YAYASAN ISLAM KELANTAN**

**GARIS PANDUAN PENJANAAN DANA MASYARAKAT ATAU
CROWDFUNDING SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) SEKOLAH-
SEKOLAH DI BAWAH YAYASAN ISLAM KELANTAN**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan prosedur pengumpulan penjanaaan dana masyarakat atau *crowdfunding* secara dalam talian melalui platform berdaftar bagi Institusi Pendidikan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

2. LATARBELAKANG

Crowdfunding secara umum merupakan satu kaedah bagi membiayai sesuatu projek melalui pengumpulan dana daripada pihak individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat. Kaedah pengumpulan dana melalui *crowdfunding* bagi membiayai pelbagai jenis projek termasuk projek pendidikan semakin berkembang di pelbagai negara.

Sejajar dengan perkembangan semasa dan penekanan terhadap hubungan kerjasama sekolah, ibu bapa dan masyarakat aktiviti *crowdfunding* merupakan platform berdaftar yang diwujudkan bagi tujuan mengumpul dana daripada pihak individu dalam komuniti bagi membiayai program pendidikan termasuk di sekolah-sekolah di bawah kelolaan YIK telah dilihat menjadi salah satu kaedah yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, garis panduan ini merangkumi prosedur permohonan *crowdfunding* bagi tujuan pendidikan melalui platform berdaftar dalam kalangan sekolah-sekolah YIK.

3. DEFINISI DAN KONSEP

3.1 DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini:

Bahagian bertanggungjawab ialah bahagian yang menyelaras dan meluluskan permohonan mengikut kepakaran serta bidang kerja bahagian masing-masing.

Sekolah merujuk sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan.

Sumbangan *Crowdfunding* merujuk kepada sumbangan berbentuk kewangan oleh individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat bagi membiayai projek pendidikan yang dimuat naik di platform berdaftar.

Penjanaan Dana Masyarakat atau ***crowdfunding*** ialah kaedah pengumpulan penjanaan dana secara dalam talian melalui platform berdaftar yang diamalkan dalam kalangan individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat bagi membantu sekolah YIK membiayai program berunsurkan pendidikan termasuk program kegiatan kokurikulum dan sukan dan pembaikan kecil infrastruktur yang boleh membantu mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pemberi sumbangan merujuk individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat yang menyumbang secara dalam talian melalui platform berdaftar.

Platform berdaftar merujuk pihak platform yang diwujudkan oleh syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

3.2 KONSEP

Crowdfunding bagi pendidikan merupakan satu kaedah pengumpulan dana secara kolektif menerusi individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat secara dalam talian bagi membantu membiayai program pendidikan sekolah YIK.

Crowdfunding bagi pendidikan merupakan salah satu alternatif bagi pihak sekolah untuk melaksanakan program pendidikan melalui dana berbentuk kewangan yang disumbangkan melalui platform berdaftar oleh individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat.

3.3 OBJEKTIF

Objektif *Crowdfunding* bagi pendidikan adalah sebagai platform untuk:

- (i) Menyokong peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- (ii) mempelbagaikan sumber pembiayaan program pendidikan daripada masyarakat; dan
- (iii) memberi ruang penglibatan kepada pihak sekolah untuk menjalinkan kerjasama strategik bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

4. TATACARA SUMBANGAN CROWDFUNDING

4.1 Jenis Sumbangan

Sumbangan melalui *crowdfunding* boleh digunakan untuk tujuan yang berikut :

- (i) Pembelian inventori dan bahan habis guna bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran;

- (ii) pembelian buku rujukan, ensiklopedia, perisian, cakera padat dan lain-lain yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) program dan lawatan berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran sama ada semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan;
- (iv) program keceriaan berunsurkan pendidikan seperti taman sains, taman herba dan lain-lain yang boleh memberi pengukuhan kepada program pengajaran dan pembelajaran;
- (v) program berunsurkan pendidikan yang boleh memberi pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran sama ada semasa cuti persekolahan atau hari persekolahan;
- (vi) penyelenggaraan infrastruktur sekolah atau asrama yang tidak melibatkan kerja-kerja ubah suai dan naik taraf;
- (vii) perkhidmatan pencetakan untuk pengurusan sekolah dan bahan pengajaran dan pembelajaran;
- (viii) program atau aktiviti kokurikulum yang dapat merangsang minat murid terhadap persatuan, unit beruniform serta sukan dan permainan seperti penganjuran pertandingan, kursus atau seminar dan pembelian atau sewaan peralatan sukan;
- (ix) program atau aktiviti koakademik di luar bilik darjah yang menyokong kepada bidang akademik murid; dan
- (x) program atau aktiviti bimbingan kerjaya yang merangsang kesedaran murid terhadap minat yang menjurus kepada kerjaya.

4.2 Prosedur Permohonon

4.2.1 Prosedur permohonan hendaklah dibuat melalui kertas kerja yang disediakan oleh pengurus projek di sesebuah sekolah. Projek yang dicadangkan hendaklah bagi tujuan pendidikan yang dapat memberikan manfaat atau impak positif kepada murid.

4.2.2 Kertas kerja perlu mengandungi perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) Tajuk
- (ii) Tujuan/ objektif
- (iii) Latar Belakang
- (iv) Cadangan Projek
- (v) Kumpulan Sasar
- (vi) Anggaran Bilangan Kumpulan Sasar
- (vi) Pengisian Projek: Pelan Perancangan dan Anggaran Masa
- (vii) Anggaran Perbelanjaan Projek
- (ix) Faedah/*outcome*
- (x) Kesimpulan

4.2.3 Selaras dengan Subseksyen 15 (2) Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*] kertas kerja tidak boleh mendedahkan atau menyiarkan nama atau alamat atau gambar atau apa-apa butir yang membolehkan kanak-kanak (murid) dikenal pasti dalam apa-apa akhbar atau majalah atau disampaikan melalui apa-apa perantara elektronik melainkan setelah mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga.

4.2.4 Permohonan kepada platform berdaftar hanya boleh dikemukakan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK). Surat kelulusan YIK perlu disertakan bersama-sama kertas kerja kepada pihak platform.

4.3 Proses Kelulusan

4.3.1 Kertas kerja yang dikemukakan kepada pihak YIK akan diproses untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu.

4.3.2 Surat kelulusan YIK akan dikeluarkan kepada permohonan yang telah diluluskan bagi sebarang aktiviti *crowdfunding* oleh pihak sekolah.

5. TATACARA PENERIMAAN SUMBANGAN

Syarat Penerimaan Sumbangan

- (i) Memberi manfaat kepada murid dan sekolah secara menyeluruh;
- (ii) Semua aset yang dibeli menggunakan sumbangan *crowdfunding* pendidikan hendaklah didaftarkan sebagai hak milik YIK/ sekolah dan dimasukkan ke dalam inventori sekolah;
- (iii) Peruntukan sekolah hendaklah mencukupi bagi membiayai penyelenggaraan aset yang dibeli untuk projek *crowdfunding* yang dicadangkan;
- (iv) Sumbangan *crowdfunding* yang diterima hendaklah diberikan secara sukarela tanpa sebarang syarat dan ikatan; dan
- (v) Mematuhi peraturan dan dasar kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

6. TATACARA PENGURUSAN SUMBANGAN

6.1 Pengurus Projek dan Pentadbir Sekolah hendaklah:

- (i) Menerima surat akaun persetujuan peruntukan dan syarat penerimaan *crowdfunding* daripada pihak platform (jika permohonan berjaya);
- (ii) Memastikan sumbangan *crowdfunding* yang berjaya diperoleh dimasukkan ke dalam akaun SUWA;

- (iii) Memastikan perbelanjaan sumbangan mengikut perancangan dan prosedur kewangan yang ditetapkan;
- (iv) Memastikan setiap perbelanjaan sumbangan direkodkan mengikut prosedur sedia ada;
- (v) memastikan sumbangan *crowdfunding* yang diterima digunakan mengikut kertas kerja projek; dan
- (vi) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak platform.

6.2 Pengurus Projek hendaklah:

- (i) Memaklumkan kepada pihak YIK sama ada permohonan sumbangan *crowdfunding* berjaya diperolehi; dan
- (ii) melaporkan status dan perkembangan projek kepada pihak platform, pentadbir sekolah dan YIK seperti yang dijadualkan oleh pihak platform.
- (iii) Memastikan kutipan sumbangan dan perbelanjaan dari sumber *crowdfunding* sentiasa direkod dan dikemaskini setiap masa.
- (iv) Mengemukakan laporan kutipan sumbangan dan perbelanjaan daripada sumber *crowdfunding* kepada pihak Yayasan Islam Kelantan setiap tahun.

6.3 Pihak YIK hendaklah:

- (i) memaklumkan pihak YIK (Bahagian bertanggungjawab) sama ada permohonan sumbangan *crowdfunding* berjaya diperolehi (jika perlu); dan
- (ii) memastikan sumbangan *crowdfunding* yang diterima digunakan mengikut kertas kerja projek.
- (iii) Menjalankan pengauditan kewangan ke atas sumbangan *crowdfunding* sekiranya perlu.



**YAYASAN ISLAM KELANTAN
PETI SURAT 248, NILAM PURI
15730 KOTA BHARU**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN SUMBANGAN DANA
MASYARAKAT KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN
*YAYASAN ISLAM KELANTAN***

GARIS PANDUAN
PENGURUSAN SUMBANGAN DANA MASYARAKAT KEPADA INSTITUSI
PENDIDIKAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan memberi penjelasan tentang garis panduan pengurusan sumbangan dana Masyarakat kepada Institusi Pendidikan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Pengurusan sumbangan dana ini tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar semasa yang berkuatkuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pembangunan pendidikan sebuah sekolah sama ada berupa fizikal mahupun akademik, kokurikulum serta sahsiah adalah tanggungjawab bersama-sama antara pihak Yayasan Islam Kelantan, sekolah dan masyarakat. Sekolah adalah sebahagian daripada masyarakat dan saling melengkapi. Masyarakat, guru dan murid perlu berasa sekolah adalah milik mereka dan perlu bersama-sama bertanggungjawab terhadap kemajuan dan kejayaan sekolah. Hubungan antara sekolah dengan masyarakat perlu erat dan berbentuk dua hala. Sehubungan dengan itu, Yayasan Islam Kelantan menggalakkan penglibatan masyarakat bagi membangunkan pendidikan.
- 2.2. Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan secara dasarnya menggalakkan masyarakat secara amnya menjalankan tanggungjawab sosial dengan memberi sumbangan dalam membangunkan sekolah-sekolah YIK sama ada dalam bentuk pembangunan fizikal atau pembangunan modal insan. Walaupun konsep ini telah diamalkan oleh masyarakat sekolah, kerjasama ini seharusnya dipergiat dan menjadi budaya.
- 2.3. Pembangunan pendidikan di sekolah-sekolah YIK memberi fokus kepada keperluan sekolah seperti pembangunan insfrastruktur, kurikulum,

kokurikulum, sukan dan permainan, kebitaraan sekolah, teknologi maklumat dan komunikasi dan bidang lain yang berkaitan untuk mengembangkan potensi murid bagi memenuhi aspirasi dan matlamat pendidikan Yayasan Islam Kelantan.

3. DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini:

Masyarakat: merujuk individu, kelompok komuniti, pemegang taruh, agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan yang berdaftar.

Sekolah: merujuk sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Sumbangan: Merujuk kepada sesuatu yang diberikan oleh masyarakat berbentuk material, bukan material dan pembangunan.

Material: merujuk kepada benda-benda yang digunakan untuk sesuatu; bahan yang disumbangkan kepada sekolah.

Bukan Material: merujuk kepada apa-apa yang bukan dalam bentuk fizikal yang disumbangkan kepada sekolah seperti kewangan, khidmat kepakaran, khidmat nasihat dan perkhidmatan.

Pembangunan: merujuk kepada perbuatan, aktiviti atau cara untuk membangunkan sesuatu.

Swasta: merujuk kepada sesuatu entiti yang dimiliki sendiri (bukan milik Kerajaan atau Pemerintah): badan perniagaan dan lain-lain yang dimiliki oleh seseorang atau beberapa orang tertentu sahaja.

Individu: merujuk kepada orang perseorangan yang bertindak dan membuat pertimbangan atas kapasiti sendiri yang tidak dikaitkan dengan mana-mana entiti lain yang berdaftar.

Penglibatan: merujuk kepada perihal masyarakat melibatkan diri dalam sesuatu hal di sekolah.

Penjanaan Dana Masyarakat (Crowdfunding): merujuk kaedah pengumpulan penjanaan dana secara dalam talian melalui platform berdaftar yang diamalkan dalam kalangan individu dalam kelompok komuniti atau masyarakat bagi membantu institusi pendidikan YIK untuk membiayai program berunsurkan pendidikan.

4. OBJEKTIF

Garis Panduan ini:

- 4.1. Memberi ruang pengibatan kepada pihak sekolah dan masyarakat untuk menjalinkan kerjasama strategik dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, pembangunan sekolah dan masyarakat; dan
- 4.2. memperincikan tatacara penyaluran dan pengurusan sumbangan daripada masyarakat kepada sekolah atau sebaliknya.

5. TATACARA PEMBERIAN SUMBANGAN

Masyarakat terdiri daripada kategori berikut, iaitu individu, komuniti, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, institusi awam, institusi swasta, syarikat swasta dan pihak-pihak lain yang berkepentingan boleh memberi sumbangan kepada Institusi Pendidikan di bawah Yayasan Islam Kelantan.

5.1. Kategori Masyarakat Mengikut Sektor

(i) Sektor Swasta

- (a) Syarikat tempatan dan badan tidak berkanun yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 125];
- (b) Syarikat antarabangsa yang berdaftar di Malaysia dengan SSM di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 125];
- (c) Pertubuhan, badan bukan kerajaan, yayasan, alumni atau entiti yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah

Akta Pertubuhan 1966 [Akta 355] atau mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan;

- (d) Badan sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576];
- (e) Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502] ; dan
- (f) Institusi Pendidikan Swasta/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta/ Institusi Latihan kemahiran Swasta yang berdaftar dengan agensi berkaitan di bawah akta tertentu.

(ii) Sektor Bukan Swasta

Semua kategori dalam masyarakat selain yang disenaraikan di perenggan 5.1(i)

5.2 Bidang atau Skop Sumbangan

Sumbangan boleh diberikan seperti berikut:-

- (i) Akademik: Program atau aktiviti pendidikan yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik murid;
- (ii) Kokurikulum: Program atau aktiviti yang dapat merangsang minat murid terhadap persatuan, unit beruniform serta sukan dan permainan;
- (iii) Koakademik: program atau aktiviti pendidikan diluar bilik darjah yang menyokong kepada bidang akademik murid;
- (iv) Bimbingan kerjaya: program atau aktiviti pendidikan berbentuk bimbingan yang merangsang kesedaran murid terhadap minat yang menjurus kepada kerjaya;
- (v) Program 4K: program atau aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran murid terhadap kebersihan, keceriaan, keselamatan dan kesihatan;
- (vi) Pembangunan / penyelenggaraan sekolah;

- (vii) Program motivasi/disiplin murid/program intervensi;
- (viii) Program perpaduan dan kewarganegaraan;
- (ix) Program kerohanian dan pendidikan moral;
- (x) Program-program lain yang bersesuaian dan bercirikan pendidikan;
- (xi) Program peningkatan staf dan profesionalisme guru; dan
- (xii) Program keberkesanan kepimpinan dan pentadbiran sekolah.

5.3 Kaedah Sumbangan

Sumbangan boleh diberikan mengikut kaedah yang berikut:

- (i) Derma (barangan, hartanah atau kewangan)
- (ii) Perkhidmatan;
- (iii) Kepakaran;
- (iv) Tajaan;
- (v) Biasiswa;
- (vi) Kerjasama;
- (vii) Hadiah; dan
- (viii) Wakaf

5.4. Deskripsi Sumbangan Berbentuk Program / Projek

Sesuatu program atau projek boleh dilaksanakan berdasarkan deskripsi program seperti yang berikut:

- (i) **Program One-Off**
Program yang dijalankan secara sekali gus yang tidak berulang dan tidak mempunyai kesinambungan.
- (ii) **Program Jangka Masa**
Program atau aktiviti yang dijalankan dalam tempoh tertentu bagi mencapai matlamat dan sasaran program serta mempunyai kesinambungan dari semasa ke semasa.

(iii) Projek Pembangunan

Merupakan projek pembangunan fizikal yang melibatkan pembaikan, landskap dan keceriaan, binaan struktur, projek ubah suai, naik taraf (USNT) bagi bangunan dan kemudahan sedia ada atau melibatkan pembinaan bangunan tambahan/gantian/baharu, serta penyediaan lain-lain kemudahan baharu di sekolah.

(iv) Program Kerjasama

Merupakan satu program yang melibatkan kerjasama di antara pihak swasta, agensi kerajaan, pertubuhan dan sekolah yang memberi manfaat secara langsung kepada murid, guru atau sekolah.

5.5 Syarat Pemberian Sumbangan

(i) Sumbangan Umum

Pemberian sumbangan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- (a) Sebarang program, projek atau aktiviti perlu mendapatkan kelulusan daripada Yayasan Islam Kelantan terlebih dahulu sebelum dilaksanakan di sekolah;
- (b) ruang lingkup program hanya dalam bidang seperti yang disenaraikan di **Perkara 5.2** Program atau projek selain daripada yang disenaraikan boleh dipertimbangan mengikut keperluan dan kesesuaian;
- (c) program atau projek yang dicadangkan hendaklah memberi impak positif secara langsung atau tidak langsung kepada murid, guru dan sekolah
- (d) Penglibatan syarikat, pertubuhan, badan, institusi atau koperasi yang berorientasikan sesuatu agama atau parti politik perlu mendapatkan kelulusan khas daripada YIK;

- (e) program atau projek yang menggalak aktiviti tidak sihat dan tidak bermoral yang boleh menjejaskan murid dilarang sama sekali;
- (f) program atau projek yang hendak dilaksanakan hendaklah selaras dengan dasar, peraturan-peraturan pendidikan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
- (g) program atau projek yang hendak dilaksanakan perlulah memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, jadual waktu dan pengoperasian sekolah tidak terjejas;
- (h) program atau projek yang melibatkan apa-apa bayaran atau yuran penyertaan kepada murid, guru atau sekolah hendaklah mendapatkan kelulusan daripada YIK terlebih dahulu;
- (i) Program atau aktiviti yang hendak dijalankan tidak menyebabkan murid, guru atau sekolah menanggung sebarang liabiliti selepas program berakhir;
- (j) program atau aktiviti yang hendak dijalankan tidak mempertaruhkan keselamatan atau kesihatan murid dan guru;
- (k) program atau aktiviti yang dijalankan bukan bertujuan membuat sebarang promosi barangan, peralatan atau perkhidmatan dalam apa juga bentuk;
- (l) program atau aktiviti yang hendak dijalankan tidak melibatkan sebarang pengubahsuaian kekal terhadap bangunan, peralatan dan kemudahan sekolah; dan
- (m) sumbangan dalam bentuk hartanah hendaklah dirujuk kepada Yayasan Islam Kelantan.

(ii) Projek Pembangunan

Projek pembangunan yang hendak dijalankan perlu menepati syarat-syarat seperti yang berikut;

- (a) Perlu memohon kelulusan dan persetujuan daripada YIK terlebih dahulu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan pembangunan sedia ada;
- (b) Ruang lingkup projek pembangunan hanya dalam bidang seperti yang dinyatakan di **Perkara 5.2** Walau bagaimanapun sekiranya program yang hendak dilaksanakan tidak termasuk dalam mana-mana bidang yang disenaraikan, permohonan secara khusus perlu dikemukakan kepada YIK;
- (c) Projek bertujuan memberi manfaat kepada murid dan guru dari segi meningkatkan tahap keselesaan, keselamatan dan kemudahan sedia ada; dan
- (d) Projek pembangunan yang dilaksanakan tidak seharusnya menjadi liabiliti kepada sekolah.

(iii) Program Kerjasama

Program Kerjasama yang hendaklah dijalankan perlu menepati syarat-syarat seperti yang berikut:-

- (a) Perlu memohon kelulusan dan persetujuan daripada YIK terlebih dahulu;
- (b) Kerjasama adalah antara pihak sektor swasta dan sekolah (YIK);
- (c) Ruang lingkup program kerjasama hanya dalam bidang seperti yang dinyatakan di **Perkara 5.2**. Walau bagaimanapun, sekiranya program hendak dilaksanakan tidak termasuk dalam mana-mana bidang yang

disenaraikan, permohonan secara khusus perlu dikemukakan kepada YIK; dan

- (d) Sebarang projek, program atau pembangunan yang diinisiatifkan melalui kerjasama ini perlu diikat dengan MoU atau MoA.

5.6 Prosedur permohonan

- (i) Prosedur Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan kertas kerja dan surat rasmi kepada Yayasan Islam Kelantan.
- (ii) Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari kepada YIK sebelum tarikh pelaksanaan program atau aktiviti.
- (iii) YIK boleh dari semasa ke semasa memohon kertas kerja daripada penyumbang sekiranya perlu untuk mendapatkan maklumat lanjut. Permohonan yang memerlukan kertas kerja perlu mengandungi perkara-perkara seperti yang berikut:
 - (a) Tajuk
 - (b) Tujuan /objektif
 - (c) Latar belakang
 - (d) Cadangan Tarikh
 - (e) Cadangan Tempat
 - (f) Kumpulan Sasar
 - (g) Anggaran bilangan peserta
 - (h) Kaedah Pelaksanaan
 - (i) Pengisian Projek : Pelan Perancangan dan Anggaran
 - (j) Anggaran Perbelanjaan Projek
 - (k) Faedah / outcome; dan
 - (l) Kesimpulan
- (iv) Aktiviti program atau projek hanya boleh dimulakan setelah mendapat kelulusan daripada Yayasan Islam Kelantan.
- (v) Kelulusan juga perlu diperolehi daripada jabatan/ agensi lain seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (jika berkaitan) diperolehi sebelum aktiviti kutipan dimulakan.

- (vi) Program atau projek yang melibatkan pemeteraian MoU atau MoA, hanya boleh dilaksanakan setelah MoU atau MoA tersebut ditandatangani oleh pihak-pihak yang terlibat.

5.7. Proses Kelulusan

- (i) Permohonan lengkap yang dikemukakan kepada YIK diproses untuk kelulusan dalam tempoh 14 hari bekerja.
- (ii) Keputusan permohonan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 7 hari bekerja selepas permohonan diluluskan.
- (vii) Pemohon juga hendaklah memastikan kelulusan daripada jabatan/ agensi lain seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (jika berkaitan) diperolehi sebelum aktiviti kutipan dimulakan.
- (iii) Dokumen perjanjian (jika berkaitan) hendaklah dimeterai antara pihak-pihak sebelum program atau projek boleh dilaksanakan.

6. TATACARA PENERIMAAN SUMBANGAN

Syarat penerimaan sumbangan adalah seperti berikut:

Berbentuk material, bukan material dan pembangunan;

- 6.1 Memberi manfaat kepada murid dan sekolah secara menyeluruh;
- 6.2 Tidak melibatkan hasil aktiviti perjudian, rokok, dadah, minuman keras dan seumpamanya yang boleh menjejaskan perkembangan potensi murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani;
- 6.3 Perlu mengambil kira sensitiviti agama, kaum serta imej YIK;
- 6.4 Sumbangan berbentuk material mestilah dalam keadaan baik, boleh diguna dan disenggarakan;

- 6.5 Sumbangan yang diterima tidak melibatkan implikasi terhadap YIK seperti penambahan jawatan, keperluan latihan dan kewangan. Sekiranya sumbangan tersebut memerlukan kos penyelenggaraan, peruntukan sekolah adalah mencukupi bagi membiayai penyelenggaraan sumbangan;
- 6.6 Pemberian sumbangan adalah tidak terikat kepada apa-apa layanan istimewa atau balasan daripada pihak sekolah;
- 6.7 Sumbangan yang diterima adalah secara sukarela dan percuma tanpa sebarang syarat dan ikatan;
- 6.8 Komitmen penyumbang untuk bertanggungjawab sepenuhnya bagi membaik pulih serta menyelenggarakan sumbangan tersebut;
- 6.9 Mematuhi peraturan dan dasar kerajaan yang sedang berkuatkuasa; dan
- 6.10 Semua sumbangan menjadi hak milik sekolah dan YIK kecuali dinyatakan sebaliknya melalui perjanjian dan memorandum persefahaman.

7. TATACARA PENGURUSAN SUMBANGAN

Bagi mengurus sumbangan yang diterima, sekiranya terdapat keperluan pihak sekolah boleh menggunakan jawatankuasa sedia ada atau menubuhkan jawatankuasa khas atau sementara. Pengurusan sumbangan berdasarkan bentuk sumbangan seperti yang berikut:-

7.1 Material

Pihak sekolah perlu:

- (i) Memastikan sumbangan yang diterima mendapat kelulusan mengikut prosedur yang ditetapkan;
- (ii) Memastikan sumbangan yang diterima dalam keadaan baik dan disertakan dengan surat penyerahan daripada pemberi sumbangan;

- (iii) Memastikan manual penggunaan serta penyelenggaraan serta latihan disertakan (sekiranya perlu); dan
- (iv) Merekodkan sumbangan dan membuat penyelarasan berdasarkan keperluan sekolah mengikut prosedur yang ditetapkan.
- (v) Sumbangan material yang diterima hendaklah didaftarkan mengikut kategori aset/ inventori sebagaimana pekeliling yang berkuatkuasa.

7.2 Bukan Material

(i) Sumbangan Kewangan

Pihak sekolah perlu memastikan :

- (a) Sumbangan yang diterima mendapat kelulusan mengikut prosedur yang telah ditetapkan
- (b) Sumbangan yang diterima disertakan dengan surat penyerahan daripada pemberi sumbangan
- (c) Sumbangan yang dimasukkan di dalam akaun Sumbangan Wang Awam (SUWA) Sekolah mengikut Prosedur yang ditetapkan. Rekod transaksi sumbangan diasingkan daripada transaksi lain di sekolah dengan mewujudkan subsidiari khas;
- (d) Perbelanjaan sumbangan mengikut perancangan dan prosedur kewangan yang ditetapkan;
- (e) Setiap perbelanjaan sumbangan direkodkan mengikut prosedur sedia ada;
- (f) Laporan kewangan yang lengkap mengandungi jumlah kutipan, bayaran dan baki sumbangan juga perlu disediakan dan dilaporkan kepada pihak YIK (sekiranya diminta);
- (g) Pihak YIK boleh menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas sumbangan kewangan yang diterima tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa: dan

(h) Resit Rasmi Pejabat dikeluarkan kepada pemberi sumbangan. Resit rasmi tersebut boleh digunakan bagi tujuan permohonan pelepasan cukai tertakluk kepada garis panduan atau peraturan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang sedang berkuatkuasa.

(ii) Khidmat Kepakaran

Pihak sekolah perlu memastikan:

- (a) Sumbangan yang diterima mendapat kelulusan mengikut prosedur yang telah ditetapkan;
- (b) Pelaksanaan kursus/program/aktiviti tersebut tidak menjejaskan perjalanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah;
- (c) Pihak sekolah perlu memantau untuk memastikan kursus/program/aktiviti dilaksanakan mengikut kelulusan; dan
- (d) Laporan program disediakan untuk tujuan rekod dan dipanjangkan kepada YIK (sekiranya perlu).

(iii) Perkhidmatan

Pihak sekolah perlu memastikan:

- (a) Sumbangan yang diterima mendapat kelulusan mengikut prosedur yang telah ditetapkan;
- (b) Sumbangan yang dilaksanakan adalah seperti yang diluluskan;
- (c) Pelaksanaan perkhidmatan yang dilaksanakan tidak menjejaskan perjalanan PdP, keselamatan serta pengurusan sekolah;
- (d) Pelaksanaan perkhidmatan yang dilaksanakan perlu mengambilkira aspek keselamatan warga sekolah;

- (e) Laporan program disediakan untuk tujuan rekod dan dipanjangkan kepada YIK (sekiranya perlu); dan
- (f) Perkhidmatan yang melibatkan makanan dan minuman hendaklah memastikan:-
 - (i) Halal, bersih, bermutu, berkhasiat, serta selamat dan merujuk peraturan berkuatkuasa; dan
 - (ii) Makanan, minuman atau makanan tambahan yang berterusan, hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

7.3 Projek Pembangunan

Pihak sekolah perlu memastikan:

- (a) Sumbangan yang diterima telah mendapat kelulusan daripada Pengarah YIK.
- (b) Pihak sekolah perlu memantau untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut syarat-syarat kelulusan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (c) Sumbangan yang telah siap dibina perlu diserahkan kepada pihak sekolah untuk ditadbir

8. TATACARA PENGUMPULAN SUMBANGAN SECARA DALAM TALIAN (CROWDFUNDING)

Sumbangan yang menggunakan kaedah penjanaaan dana awam secara dalam talian melalui platform berdaftar hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Penjanaaan Dana Masyarakat atau *Crowdfunding* Secara dalam talian (Online) Sekolah-Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

9. TIMBAL BALAS PIHAK SEKOLAH TERHADAP SUMBANGAN MASYARAKAT

- 9.1 Sebagai timbal balas atas sumbangan masyarakat kepada sekolah, pihak sekolah setelah mendapat kelulusan pihak Yayasan Islam Kelantan boleh mempertimbangkan permohonan penggunaan premis dan kemudahan sekolah bagi memajukan masyarakat setempat.
- 9.2 Antara kemudahan sekolah yang boleh digunakan oleh masyarakat seperti padang, dewan, gelanggang permainan, surau dan pusat sumber sekiranya pihak sekolah merasakan permohonan tersebut munasabah dan praktik berbuat demikian.
- 9.3 Sekiranya terdapat sebarang kutipan, bayaran atau sumbangan berbentuk kewangan hasil daripada penggunaan kemudahan tersebut, wang tersebut hendaklah mengaunkan terimaan dan bayaran tersebut ke dalam Kumpulan Wang Sumbangan Awam (SUWA).